

Nasihat untuk mengubat 'ujb

□ Seseorang boleh mengesan ujub dalam perwatakannya dengan berwaspada, berhati-hati dengan diri dan muhasabah diri setiap masa. Dia sendiri mesti sejujurnya memohon kepada Allah untuk mengurniakan kebolehan untuk melihat kesalahan dan kelemahan dirinya. Dia perlu sentiasa ingat bahawa apabila Allah memberkati seseorang, Allah akan pertama sekali mengurniakan seseorang itu kesedaran tentang kesalahan dan kelemahan diri.

□ Ingatlah bahawa kehidupan, kuasa, ilmu dan pencapaian lain adalah hanya bayangan sifat Allah. Setiap perbuatan baik, ibadat, bakat dan peluang diperolehi disebabkan keredhaan dan limpah kurnia Allah. Tanpa izinNya, tiada satu makhluk pun yang mampu melakukan walau satu amalan baik. Lihatlah semua tindakan baik dan ibadat anda yang telah dilakukan selama ini: Adakah ianya ikhlas, tanpa kesilapan dan hanya demi Allah? Bolehkah anda meminta kepada Allah bahawa Allah patut mengurniakan ganjaran untuk tindakan baik anda? Atau adalah lebih baik anda perlu memahami bahawa hanya bantuan Allah yang membolehkan anda berpeluang melakukan kebaikan dan Dialah yang menutup segala kesilapan dan niat buruk, dan anda berharap supaya Allah meletakkan perbuatan baik yang dilakukan ke dalam kategori amalan mulia

□ Sedarlah bahawa tiada makhluk di atas bumi ini mampu melaksanakan semua tuntutan ibadat yang diperintahkan oleh Allah. Doa-doa para nabi dan awliya membuktikan pengakuan-pengakuan kegagalan dalam hal ini. Mereka sedar bahawa walaupun mereka menghabiskan seumur hidup, mereka tidak akan mampu untuk berterima kasih atas segala bantuanNya, apatah lagi memberi penghormatan atas zatNya dan sifat-sifatNya. Oleh itu, seseorang itu perlu mengaku segala kesilapan dengan rasa rendah diri dan memohon ampun dari daripada Allah

□ Maksiat 'ujb adalah hasil daripada sikap sayangkan diri yang menyebabkan mereka terlebih menilai diri sendiri dan menyalah anggap perbuatan baik orang lain. Fikirkan tentang tindakan anda: Bagaimana anda rasa apabila Allah memberkati anda untuk melakukan amalan baik? Adakah ini akan menjadikan anda rendah diri dan bersyukur terhadap Allah? Bagaimana anda melihat amalan baik orang lain? Adakah susah untuk hati anda menerima semua itu sebagai perbuatan baik? Dan bagaimana anda rasa apabila anda melakukan dosa? Adakah ia akan menjadikan anda malu kepada Allah atau anda memandang enteng kepada dosa tersebut dan mencari alasan untuknya? Bagaimana anda melihat perbuatan ini pada orang lain? Adakah anda akan berdoa kepada Allah supaya mereka dimaafkan? Adakah anda akan menolong mereka untuk meninggalkan perbuatan maksiat mereka atau anda berasa benci kepada mereka?

□ Apabila anda bersolat, renungkan akan makna Alhamdulillah (segala puji bagi Allah) dan cuba mengajari hati anda bahawasanya segala kebolehan dan sifat anda serta segala amalan baik yang telah dilakukan tidak berhak dipuji, malah kepada Allah jualah segala puji-pujian harus dikembalikan.

Kesimpulan:

□ Imam al-Baqir (a) berkata: “Sekatlah jalan 'ujb dengan ma'rifah diri.” [*Mizan al-Hikmah*, hadith # 11859]

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang Islam sejati, lawati:

<http://al-islam.org/faq/>

Katakanlah: Mahukah Kami khabarkan kepada kamu akan orang-orang yang paling rugi amal-amal perbuatannya? (Iaitu) orang-orang yang telah sia-sia amal usahanya dalam kehidupan dunia ini, sedang mereka menyangka bahawa mereka sentiasa betul dan baik pada apa sahaja yang mereka lakukan (Qur'an, 18: 103-4)

Imam Ali (a) berkata: “Hati yang mana 'ujb telah meresap, akan ditimpa kemusnahan”.

Penyakit Jiwa ...

Megah Diri (`ujb)

Imam Musa al-Kazim (a) berkata: “ Terdapat beberapa peringkat 'ujb. Salah satunya adalah apabila suatu amalan jahat dilihat sebagai baik; dia menganggap amalan itu baik dan bermegah diri serta menyangka dia melakukan amalan baik.

Satu lagi peringkat 'ujb adalah seseorang itu menyangka dengan beriman kepada Allah, dia merasakan dia telah 'membantu' Allah, walhal sebenarnya Allah yang Maha Agung telah memberi limpah kurniaan iman tersebut [Al-Kulayni, *al-Kafi*, jilid 2, ms. 313, hadith # 3]

Kenali 'Ujb

- 'Ujb adalah perasaan keterlaluan terhadap sifat baik dan amalan baik yang dilakukan, membuat jangkauan berlebihan serta berpuas hati dengan amalan tersebut, malah berasa dirinya amat penting. Seseorang yang 'ujb merasakan dirinya bebas daripada kekurangan dan kelemahan. Ini berbeza dengan perasaan suka atau nikmat atas amalan baik, diiringi rasa rendah diri terhadap Allah dan syukur atas kurniaan Allah, bukanlah 'ujb tetapi adalah sesuatu yang amat terpuji
Imam Ali (a) berkata: **Barangsiapa yang merasakan dirinya mulia di sisi Allah adalah sebenarnya tidak berguna** [Al-Amidi, *Ghurar ul-Hikam wa Durar ul-Kalim*, hadith # 8609]
- Semasa menerangkan sifat orang yang bijak, Rasulullah bersabda: **Seseorang yang bijak, menganggap amalan baik orang lain yang sedikit sebagai banyak dan amalan dirinya yang banyak sebagai sedikit.** [Al-Noori, *Mustadrak al-Wasail*, jilid.1, ms. 132, hadith # 184]

Peringkat dan Jenis 'Ujb

- Peringkat pertama 'ujb adalah berkenaan iman dan kepercayaan sebenar. Seseorang itu mempercayai bahawa dia membantu Allah dengan kepercayaannya terhadap Allah, atau dengan melakukan amalan yang disuruh oleh Allah dan Rasulullah(a), atau dengan menyebarkan dakwahNya, dia telah menyumbang kepada agama Allah. Di dalam hatinya, dia mempercayai sebegitu rupa walaupun dia tidak mendedahkan secara terbuka.
- Peringkat kedua 'ujb adalah dalam sikap dan sifat yang baik, di mana seseorang itu merasakan dia adalah kesukaan Allah dan meletakkan dirinya di antara orang-orang yang dekat dengan Allah. Jika dia mendengar nama-nama awliya Allah, dia merasakan dirinya salah satu daripadanya, walaupun dia terlampau menggambarkan dirinya amat rendah diri. Jika berlaku musibah ke atas dirinya, dia berfikir ia disebabkan keakrabannya dengan Allah.
- Peringkat ketiga 'ujb adalah berkenaan amalan-amalan baik. Seseorang itu merasakan dia harus dikurniakan ganjaran daripada Allah sebagai balansikap dan amalan baiknya. Dia beranggapan bahawa dia adalah hamba sejati dan Allah wajib rapat dengannya di dunia dan mengurniakannya peringkat tinggi di akhirat kelak. Tetapi di hatinya dia mempertikai keadilan tindakan Allah ke atas orang-orang beriman yang terseksa dan kebaikan yang dikurniakan ke atas orang-orang musyrik di dunia ini. Dia berpura-pura gembira dan redha atas kehendak Allah ke atasnya, tetapi sebaliknya membenci akan Allah.
- Sejenis 'ujb yang lain adalah seseorang merasakan dirinya lebih hebat dan lebih dan merasakan dirinya seorang manusia yang lebih baik daripada yang lain. Dia menganggap dirinya lebih sempurna daripada orang lain dari segi *wajibat* (amalan wajib) dan *muharramat* (benda yang dilarang). Dia sensitif terhadap kesalahan orang lain tetapi tidak menyedari kesalahan sendiri. Dia merasakan

orang lain tidak sempurna dan tidak berharga. Sehingga dia tidak dapat menerima segala kebaikan orang lain.

- 'Ujb yang lain pula boleh dikaitkan dengan kepercayaan karut dan amalan jahat orang-orang yang tidak beragama yang menyebabkan mereka yang 'ujb merasa bangga dan megah diri. Mereka menganggap diri mereka bersifat liberal dan berfikiran terbuka, bebas dari ikatan. Mereka mengaitkan iman dan kepercayaan kepada Allah dengan kepercayaan karut dan menganggap kepercayaan dalam beragama sebagai pemikiran sempit dan menganggap sifat dan amalan baik adalah suatu kelemahan. Serta amalan buruk merupakan suatu kejayaan mereka menganggap diri mereka lebih berilmu dan tidak mahu mendengar nasihat. Individu yang mempunyai sikap 'ujb sebegini adalah manusia yang teruk.
- Imam al-Sadiq berkata "**Syaitan berkata, jika aku menundukkan anak Adam dalam tiga perkara, aku tidak peduli apa yang dia lakukan seterusnya kerana amalan baik tidak akan diterima: (1) Apabila dia menganggap amalan baiknya sangat mulia (2) Apabila dia melupakan segala dosanya (3) Apabila 'ujb meresap dalam dirinya**

Kesan Buruk 'Ujb

- Menurut tradisi Ahlulbait (a) 'ujb adalah lebih teruk daripada dosa sehinggalah Allah membuatkan orang yang beriman melakukan dosa supaya dia terselamat daripada 'ujb. Tambahan pula 'ujb adalah salah satu bahaya kepada roh seseorang. Selepas kematian dan di dalam alam barzakh, empunya penyakit 'ujb ini akan mengalami perasaan keserongan yang menakutkan.
- 'Ujb menjadi peranan utama kepada beberapa dosa-dosa besar dan ciri-ciri yang jahat. Apabila akarnya meresap ke dalam hati manusia, ia mempengaruhi seseorang ke arah murtad dan shirik. Seseorang yang 'ujb tidak peduli untuk memperbetulkan dirinya malah dia menganggap dirinya alim dan bersifat baik. Tirai 'ujb yang menyelubunginya merosakkan akal fikiran, lalu dia buta akan kelemahan diri sendiri serta mengelakkan dia mencapai kesempurnaan.
- Seseorang yang 'ujb sentiasa condong ke arah riya' dan nifaq. Ia juga memberi kesan angkuh ke atas tingkah laku seseorang. Semua ini akan mengeluarkan seseorang itu dari jalan kemanusiaan dan menjadikan dia seorang yang zalim dan tidak berperikemanusiaan.
- Imam Ali (a) berkata: "**Tiada rasa keserongan yang lebih teruk daripada yang disebabkan oleh 'ujb.**" [Nahjul Balagha, pepatah # 113]
- Imam Ali (a) berkata: "**Orang yang 'ujb tiada kebijaksanaan.**" [Al-Amidi, *Ghurar ul-Hikam wa Durar ul-Kalim*, hadith # 10]
- Imam Ali (a) berkata: "**'Ujb adalah punca kebodohan.**" [Ibid., # 938]